



TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. **Kempen “Nikmati Pulangan Tunai Sehingga RM500 dengan Pelan 0% EasyPay BSN” (“Kempen”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari 28 Ogos 2026 sehingga 27 Oktober 2026, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat adalah dianggap terbatal.
The “Enjoy Up To RM500 Cash Back with BSN 0% EasyPay Plan” Campaign (“Campaign”) is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 28 August 2026 to 27 October 2026, both dates inclusive (“Campaign Period”), unless notified otherwise from time to time by BSN. All entries received after the Campaign Period will be disqualified.
2. BSN berhak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan berkuat kuasa tertakluk kepada Klausula 42 di bawah.
BSN reserves the right to vary the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period BSN deems reasonable before the changes take effect subject to Clause 42 below.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

3. Tertakluk kepada Klausula 4 di bawah, Ahli Kad Utama Kad Kredit/-i BSN (“Kad BSN”) dengan akaun kad BSN yang mempunyai rekod yang baik (iaitu tidak dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, tidak digantung, tidak ditutup, tidak dibatalkan, tidak tertunggak dan/atau tiada pelanggaran terma dan syarat perjanjian dengan BSN) adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“Ahli Kad”).
Subject to Clause 4 below, BSN Principal BSN Credit Card/-i (“BSN Card”) Cardmembers with BSN Card account having good standing record (i.e. not operated fraudulently or which have been invalidated, suspended, closed, cancelled, not delinquent and/or not in breach of the terms and conditions of the agreement with BSN) are eligible to participate in this Campaign (“Cardmember”).
4. Individu-individu berikut adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following entities/ individuals are **NOT ELIGIBLE** to participate in the Campaign:*
 - a) Ahli Kad Kredit yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, tertunggak atau yang melanggar Perjanjian mereka dengan BSN; dan
Credit Card cardmembers whose accounts with BSN are believed to be operated fraudulently or which have been invalid, suspended, closed, cancelled, delinquent or who are in breach of their Cardmember/-i Agreement with BSN; and
 - b) Semua Ahli Kad Kredit/-i Tambahan BSN (“**Kad Kredit/-i Tambahan BSN**”) baharu dan sedia ada; dan
All new and existing BSN Supplementary Credit Card/-i (“BSN Supplementary Credit Card/-i”) cardmembers; and
 - c) Pemegang Kad Korporat-i.
Corporate Card-i holder.

5. Walau apa pun peruntukan di atas, BSN mempunyai budi bicara untuk menentukan kriteria kelayakan Ahli Kad yang boleh menyertai Kempen ini dari semasa ke semasa.
Notwithstanding the above, BSN shall have the discretion to decide on the eligibility criteria of the Cardmembers that are entitled to participate in the Campaign from time to time.
6. Tertakluk kepada Klausula 3, 4 dan 5 di atas, Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit Visa / Mastercard Bank Simpanan Nasional dengan BSN yang baharu dan sedia ada, termasuk kakitangan BSN, yang mempunyai akaun kad kredit yang sah.
Subject to Clauses 3, 4 and 5 above, this Campaign is open to all new and existing Visa / Mastercard Cardmembers (“the Cardmember”) of BSN, including BSN employees, having a valid credit card account.

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

7. Penyertaan ini adalah automatik dan tanpa pendaftaran. Untuk menyertai Kempen ini, Ahli Kad mesti membuat pembayaran melalui Pelan 0% EasyPay “EPP” dengan Kad Kredit BSN seperti berikut (**“Transaksi Yang Layak”**):
*Participation is automatic and without registration. To participate in this Campaign, the Cardmembers must make payment through 0% EasyPay Plan “EPP” with BSN Credit Cards as follows (**“Qualified Entry”**):*

Kategori / Category	Transaksi Yang Layak / Qualified Transactionts
Hadiah Utama / Grand Prize	Pembayaran EPP dengan amaun terkumpul minimum RM10,000.00 sepanjang Tempoh Kempen (tertakluk kepada mana-mana tempoh EPP). <i>EPP payment with a minimum cumulated amount of RM10,000.00 in a single transaction.</i>
36M (EPP 36 Bulan / Months)	Pembayaran EPP dengan amaun minimum RM5,500.00 dalam satu transaksi. <i>EPP payment with a minimum amount of RM5,500.00 in a single transaction.</i>
24M (EPP 24 Bulan / Months)	Pembayaran EPP dengan amaun minimum RM4,500.00 dalam satu transaksi. <i>EPP payment with a minimum amount of RM4,500.00 in a single transaction.</i>
12M (EPP 12 Bulan / Months)	Pembayaran EPP dengan amaun minimum RM3,500.00 dalam satu transaksi. <i>EPP payment with a minimum amount of RM3,500.00 in a single transaction.</i>

8. Untuk senarai penuh Pelan 0% EasyPay BSN berserta Terma dan Syaratnya, sila layari laman sesawang rasmi BSN di [Pelan BSN EasyPay | BSN Malaysia](#).
For the full list of available BSN 0% EasyPay Plan and its terms and conditions, please refer to BSN official website at [BSN EasyPay Plan | BSN Malaysia](#).



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN “NIKMATI PULANGAN TUNAI SEHINGGA RM500 DENGAN PELAN 0% EASYPAY BSN”

TERMS AND CONDITIONS – “ENJOY UP TO RM500 CASH BACK WITH BSN 0% EASYPAY PLAN” CAMPAIGN

9. Ahli Kad boleh memilih tempoh pembayaran ansuran bulanan iaitu tempoh enam (6) bulan sehingga tiga puluh enam (36) bulan yang tersedia oleh Rakan Niaga yang diberi kuasa. Pembelian produk adalah bergantung kepada had kredit Ahli Kad di dalam akaun Kad Kredit. Pihak Bank berhak untuk menolak permohonan tanpa memberi sebarang alasan apapun dan keputusan Bank adalah muktamad dan konklusif.
Cardmember(s) can select tenure of the monthly instalment plan from six (6) months up to thirty-six (36) months prescribed by the Authorised Merchant. Purchase of the product(s) is subject to the Cardmember's available credit limit in the credit card account. The Bank reserves the right to reject applications without giving any reason thereof and the Bank's decision is final and conclusive.
10. Sebarang transaksi yang dilakukan oleh Ahli Kad Tambahan Kad Kredit/-i BSN akan diagregatkan dan akan diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah Transaksi Yang Layak oleh Ahli Kad.
Any transaction made by the BSN Supplementary Credit Card/-i cardmembers will be aggregated and considered as part of the Cardmember's total Qualified Transactions.
11. Transaksi Yang Layak merujuk kepada pembelian barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian dengan menggunakan Kad BSN dan tidak termasuk transaksi berikut:-
The Qualified Transaction shall mean the purchase of goods and services for personal consumption using BSN Card(s) and shall NOT include the following transactions:-
- a) Bayaran ansuran untuk Pelan Pindahan Baki BSN, Pelan EasyCash dan/atau Pelan Instalment-Pay;
Monthly Instalment for BSN Balance Transfer Programme, EasyCash Plan and/or Instalment-Pay Plan;
 - b) Bayaran ansuran untuk Pelan 0% EasyPay sediaada;
Existing monthly instalment for 0% EasyPay Plan;
 - c) Pendahuluan tunai / Pengeluaran / Transaksi deposit / Pulangan Tunai;
Cash advance/ Withdrawal/ Deposit Transaction/ Cash Back;
 - d) Transaksi runcit yang dibatalkan, dikembalikan, dipertikai, ditolak, batal, dibahagi dan/atau menipu;
Disputed retail spending which is subsequently cancelled, refunded, disputed, unauthorized, void, split and/or fraudulent;
 - e) Pembelian PIN, tambah nilai prabayar, dan/atau pembelian e-SSP;
PIN purchase, prepaid reload, and/or e-SSP purchase;
 - f) Urus niaga kuasi tunai – contoh: pertaruhan dan/atau transaksi permainan; dan
Quasi cash transactions – e.g. betting and/or gaming transaction; and
 - g) Urus niaga lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
Such other transaction as determined by BSN from time to time.

HADIAH / PRIZES

12. Hadiah Kempen (“Hadiah”) adalah seperti berikut:-
Campaign prizes (“Prizes”) are as follows:-

Kategori/ Category	Hadiah (Pulangan Tunai)/ Prize (Cash Back)	Jumlah Pemenang/ Total Winners
Hadiah Utama/ Grand Prize	RM 500	12 (Keseluruhan/ Overall)
36M (EPP 36 Bulan / Months)	RM 300	30 (Setiap Bulan / Each Month)
24M (EPP 24 Bulan / Months)	RM 200	30 (Setiap Bulan / Each Month)
12M (EPP 12 Bulan / Months)	RM 100	30 (Setiap Bulan / Each Month)

Nota/Note:

- a) Pulangan Tunai untuk Kategori Hadiah Utama, 36M, 24M dan 12M akan diberikan atas dasar yang pertama didahulukan, sehingga kehabisan dana yang diperuntukkan. Jumlah Pulangan Tunai adalah dihadkan kepada tiga puluh (30) Ahli Kad sahaja setiap bulan untuk setiap kategori kecuali Hadiah Utama.

Cash Back for Grand Prize, 36M, 24M and 12M category is awarded on a first come, first served basis, until the depletion of allocated budget. Total Cash Back will be capped at 30 Cardmembers per month for each category except for Grand Prize.

- (i) Bulan 1 – 28 Ogos 2026 sehingga 27 September 2026
(ii) Bulan 2 – 28 September 2026 sehingga 27 Oktober 2026

- (i) Month 1 – 28 August 2026 to 27 September 2026
(ii) Month 2 – 28 September 2026 to 27 October 2026

- b) Untuk berpeluang mendapatkan Pulangan Tunai, Ahli Kad hendaklah memenuhi “Penyertaan Yang Layak” mengikut kriteria seperti yang disenaraikan dalam Klausula 3 hingga 6.

To stand a chance of receiving Cash Back, Cardmember must fulfill the “Qualified Entry” as stated under Clause 3 until 6.

**PROSES PEMILIHAN DAN PEMBERITAHUAN PEMENANG /
WINNER SELECTION AND NOTIFICATION PROCESS**

13. Hadiah Utama akan diberikan kepada dua belas (12) Ahli Kad yang mengumpul jumlah transaksi agregat minimum RM10,000 di bawah Pelan 0% EasyPay (EPP) sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira jenis pelan atau tempoh EPP, berdasarkan dasar pertama didahulukan.

The Grand Prize shall be awarded to the first twelve (12) Cardmembers who accumulate a minimum aggregate transaction amount of RM10,000 under 0% EasyPay Plan (EPP) during the Campaign Period, regardless of EPP plan or tenure, on a first come, first served basis.

14. Tertakluk kepada pematuhan terma dan syarat yang dinyatakan di sini, pemenang untuk kategori Hadiah Utama, 36M, 24M dan 12M akan dipilih berdasarkan dasar yang pertama didahulukan tertakluk kepada ketersediaan bajet yang diperuntukkan. Penentuan pemenang akan dibuat berdasarkan rekod transaksi dalam sistem perbankan BSN semasa Tempoh Kempen.

Subject to compliance with the terms and conditions outlined herein, Winners for the Grand Prize, 36M, 24M and 12M category will be based on a first-come, first-served basis, contingent upon the availability of the allocated budget. The determination of the Winners will be based on transaction records in BSN's banking system during the campaign period (“Winner”).

15. Jikalau terdapat dua (2) atau lebih Ahli Kad yang mencatatkan jumlah EPP yang sama, Pemenang Hadiah Utama akan dipilih berdasarkan tarikh transaksi terakhir yang paling awal memenuhi kriteria untuk menang.

In the event that two (2) or more Cardmembers record the same total EPP amount, the Winner of Grand Prize will then be selected based on the earliest last transaction date which fulfills the winning criteria.

16. Setiap Ahli Kad hanya layak untuk memenangi Pulangan Tunai satu (1) kali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

Each Cardmember is only eligible to win Cash Back once (1) throughout the Campaign Period.

17. Butiran Pemenang (nama dan empat (4) nombor kad pengenalan terakhir) akan dipaparkan di www.bsn.com.my (“**Laman Sesawang BSN**”) dan paparan tersebut dipersetujui oleh Ahli Kad.

The Winners’ details (name and last four (4) digit of identification number) will be published at www.bsn.com.my (“BSN’s Website”) and the publication is consented by the Cardmembers.

18. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau SMS dan/atau sebarang kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh BSN sebelum/selepas butiran pemenang-pemenang dipaparkan dan diumumkan di Laman Sesawang BSN.

The winners will be notified by telephone and/or sms and/or any other method(s) deemed suitable by BSN before/after the winners’ details being published and announced on BSN’s Website.

19. Pemakluman senarai pemenang akan dibuat oleh BSN dalam tempoh enam belas (16) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen. Hadiah akan dikreditkan ke akaun Kad Kredit/-i Utama BSN Pemenang setelah senarai nama pemenang dipaparkan di Laman Sesawang BSN.

The announcement of the list of winners will be made within sixteen (16) weeks from the end of the Campaign Period. The Prize will be credited to the Winners’ BSN Principal Credit Card/-i account upon the publication of the list of winners on BSN’s Website.



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN “NIKMATI PULANGAN TUNAI SEHINGGA RM500 DENGAN PELAN 0% EASYPAY BSN”

TERMS AND CONDITIONS – “ENJOY UP TO RM500 CASH BACK WITH BSN 0% EASYPAY PLAN” CAMPAIGN

20. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam bentuk lain.
Prizes are strictly non-transferable and non-exchangeable in other form.
21. Sekiranya Hadiah telah dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit/-i Utama BSN Pemenang dan Transaksi Yang Layak didapati tidak sah, atau terdapat lain-lain penemuan BSN yang menunjukkan bahawa Pemenang tidak layak mengambil bahagian dalam Kempen ini atau memenangi Hadiah, Pemenang-pemenang akan mendebitkan Hadiah dari akaun Kad Kredit/-i Utama BSN Pemenang dan transaksi pendebitan tersebut akan dinyatakan dalam penyata kad bulanan Pemenang.
In the event that after the Prize is credited into the Winner's BSN Principal Credit Card/-i account and the initially Qualified Transaction turns out to be void or where there are any other findings by BSN indicating that the Winner is not eligible to participate in this Campaign or to win the Prize, BSN will debit the Prize from Winners' BSN Principal Credit Card/-i account and the said debit transaction will be reflected in the Winners' monthly card statement.
22. Akaun Kad Kredit/-i Utama BSN Pemenang mestilah terkini, sah dan mempunyai rekod yang baik sepanjang Tempoh Kempen. Sekiranya Ahli Kad menamatkan akaun Kad Kredit BSN semasa Tempoh Kempen atau membuat penjelasan awal atau penjelasan penuh atau membatalkan mana-mana EPP dalam Tempoh Kempen atau sebelum proses pemilihan pemenang, BSN berhak untuk membatalkan penyertaan Kempen dan/atau penerimaan apa-apa Hadiah oleh Ahli Kad.
The Winner's BSN Principal Credit Card/-i account must be current, valid and in good standing throughout the Campaign Period. In the event the Cardmember terminates the BSN Credit Card account during the Campaign Period, makes an early or full settlement or cancels any EPP during the Campaign Period or prior to the winners selection process, then BSN reserves the right to disqualify the Cardmember from participating the Campaign and/or receiving any Prize.
23. BSN berhak untuk memilih Ahli Kad yang lain sebagai Pemenang untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa jua sebab.
BSN reserves the right to select another Cardmember as a Winner to substitute any Winner who is found to be ineligible, cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever.
24. BSN berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan.
BSN has the right to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever.
25. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian apa sahaja Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang atau dicuri.
BSN makes no representation or warranty with respect to quality and/or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost or stolen Prizes.
26. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes tidak akan dilayan.
The determination of the Winners is final. Any correspondence, queries, appeals or protest will not be entertained.



HAK BANK / BANK’S RIGHT

27. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh pengubahsuaian, penggantungan atau pembatalan Kempen ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Cardmember directly or indirectly, caused by the modification, suspension or cancellation of this Campaign.

28. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Ahli Kad yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini dan/atau BSN.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Cardmember that is found or suspected of tampering with the Campaign’s process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign and/or BSN.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

29. Ahli Kad adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

Cardmember shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

30. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini adalah di bawah tanggungjawab penuh Ahli Kad.

Any expenses incurred to participate in this Campaign is the sole responsibility of the of the Cardmember.

31. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.

32. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Kempen ini.

BSN cannot guarantee and does not promise any specific results from participating in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

33. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

By participating in this Campaign, the Cardmember agrees to give express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any:-

- (a) untuk menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini serta untuk tujuan promosi, selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
to use and disclose the Personal Data and the participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign and for promotional purposes in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website; or
- (b) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website; or
- (c) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or
- (d) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
to comply with a Court order or direction; or
- (e) untuk mengesahkan status akaun Ahli Kad dengan mana-mana pihak ketiga; atau
to verify the Cardmember's account status with any third party (if relevant); or
- (f) apabila diminta secara bertulis oleh Ahli Kad; atau
where the Cardmember's request in writing; or
- (g) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
to protect and defend BSN or BSN's asset.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall prevail.

34. Ahli Kad memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pemenang atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Cardmember hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Winner's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

35. Ahli Kad mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

Cardmembers have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.
Raise any questions regarding the use of Personal data by contacting BSN.

Dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
By contacting BSN as stipulated in BSN's Privacy Policy.

36. Ahli Kad bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen oleh Ahli Kad yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.

The Cardmember agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in the Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Cardmember's participation in the Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Cardmember.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

37. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad dianggap telah bersetuju:

By participating in this Campaign, all Cardmember is deemed to have agreed:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and
- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan / atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Ahli Kad sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
To access to BSN's Website and/or any of BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Cardmember is updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

38. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Ahli Kad tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang dipaparkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Cardmember consents to BSN the right to publish or display their name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers

deems appropriate. The Cardmember are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

39. Semua keputusan yang dikeluarkan oleh BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Ahli Kad, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Cardmembers, conclusive and undisputable. Any further correspondence and/or appeal to dispute the same will not be entertained.

40. Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.

41. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Cardmember resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to natural disaster, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

42. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari dengan memaparkan pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Sesawang BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving a seven (7) day notice prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN “NIKMATI PULANGAN TUNAI SEHINGGA RM500 DENGAN PELAN 0% EASYPAY BSN”

TERMS AND CONDITIONS – “ENJOY UP TO RM500 CASH BACK WITH BSN 0% EASYPAY PLAN” CAMPAIGN

Cardmember. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Cardmember, directly or indirectly, caused by the changes.

43. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Ahli Kad melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Cardmember and be deemed to be brought to the Cardmember's attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

44. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not stated under these Terms and Conditions is subject to BSN's discretion.

45. Semua bahan berkaitan Kempen termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, logo, kandungan promosi dan bahan cetakan adalah hak milik BSN dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis daripada BSN.

All materials related to the Campaign including but not limited to designs, logos, promotional content and printed materials are the intellectual property of BSN and shall not be used without prior written consent from BSN.

46. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

47. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 03-2613 1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 03-2613 1900.

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-**